

13 MAY 1999

Mahathir-Ekonomi

BANYAK PERLU DILAKUKAN UNTUK PULIH EKONOMI, KATA DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 13 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masih banyak yang perlu dilakukan untuk memulihkan ekonomi negara daripada kegawatan walaupun tanda-tanda pemulihan sudah mula kelihatan.

Perdana Menteri berkata walaupun langkah-langkah yang diambil untuk melindungi ekonomi negara telah mencapai kejayaan tetapi masih banyak yang perlu dibuat untuk mencapai semula kejayaan seperti masa sebelum kegawatan dahulu.

Ketika berucap pada majlis kesyukuran meraikan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya negeri Sabah 12-13 Mac lepas di sini malam ini, Dr Mahathir berkata langkah-langkah yang diambil itu merupakan sesuatu yang "luar biasa" dan belum pernah dicuba oleh mana-mana negara.

Katanya walaupun langkah-langkah itu menerima kritikan daripada kuasa-kuasa besar, pakar-pakar ekonomi dan media asing yang menyatakan ia akan membawa kehancuran kepada Malaysia tetapi ternyata ia tidak membawa kepada kerosakan malahan berjaya memulihkan semula ekonomi negara.

"Hari ini kita lihat ekonomi kita mula tumbuh dan naik dengan pesat dan mereka yang mengkritik dan merendah-rendahkan kita, hari ini terpaksa mengakui tindakan kita itu adalah bijak," katanya di hadapan kira-kira 10,000 orang di Stadium Likas di sini.

Dr Mahathir meminta rakyat supaya sentiasa memelihara keharmonian, perpaduan dan keamanan sebagai benteng kepada tindakan pihak asing yang tidak putus-putus berusaha untuk mencetuskan huru-hara di negara ini.

"Mereka menghasut rakyat supaya merusuh dan mengadakan demonstrasi untuk menjatuhkan kerajaan," katanya.

Namun usaha mereka itu gagal dan sebaliknya sokongan rakyat kepada kerajaan semakin kuat khususnya di Sabah yang terbukti melalui kemenangan BN di negeri itu.

Perdana Menteri turut memuji rakyat Malaysia kerana berfikiran waras dan tidak termakan hasutan pihak asing supaya merusuh dan menjatuhkan kerajaan.

"Kita lihat di negara-negara lain, akibat daripada kegawatan ekonomi rakyat memberontak dan menjatuhkan kerajaan tetapi di sini mereka tidak berjaya," katanya.

Dr Mahathir berkata kini ada pihak-pihak yang cuba mewujudkan rusuhan dan tunjuk perasaan untuk mencapai matlamat mereka.

"Tetapi usaha-usaha itu hanya membawa keburukan. Rusuhan bukanlah caranya untuk mencapai kejayaan," katanya.

Perdana Menteri juga membidas pihak-pihak yang hendak membolot "semuanya" untuk diri mereka tanpa menghiraukan bahawa perbuatan itu akan membawa kerosakan kepada negara.

"Lebih baiklah kita mendapat sebahagian sahaja yang baik daripada mendapat seratus peratus yang buruk," katanya.

Mengenai kemenangan BN di Sabah, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata rakyat harus bersyukur kerana mereka telah memilih calon BN dengan bilangan yang mencukupi untuk membentuk kerajaan negeri yang berwibawa.

Perdana Menteri berkata dengan itu lebih banyak pembangunan akan dapat dilaksanakan di negeri ini kerana hanya kerajaan yang berwibawa sahaja dapat menunaikan janji-janjinya dalam pilihan raya.

"Kita juga perlu bersyukur kerana kerajaan Sabah adalah daripada parti yang sama dengan kerajaan di peringkat pusat. Apabila kerajaan negeri sama dengan pusat sudah tentulah kerjasama yang baik dapat dijalin dan ini

menolong membangunkan Sabah," katanya.

Rakyat juga perlu bersyukur kerana pilihan raya negeri yang lalu dapat dijalankan dalam keadaan aman sedangkan tidak banyak negara lain yang dapat menjalankan pilihan rayanya seperti itu.

Lebih 20 sepanduk direntangkan pada perhimpunan itu bagi menyatakan sokongan dan kesetiaan rakyat Sabah kepada Perdana Menteri.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Osu Sukam, Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob dan anggota-anggota Kabinet negeri.

-- BERNAMA

KHY JS FAZ